



PKPN diseru jadi penggerak, pelaksana agenda negeri

Penjawat awam digesa jadi pemaklum dasar kebajikan negeri

Warisan Kulinari Kelantan Curi Tumpuan di World Expo Osaka 2025

Kelantan Future Leaders Academy 2025 latih pemimpin berjiwa agama

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 7 Ogos - Kelantan Future Leaders Academy (KFLA) 2025 merupakan platform penting dalam melahirkan barisan pemimpin masa depan negeri yang berjiwa agama.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata pemimpin yang mahu dilahirkan tersebut sememangnya cemerlang dalam bidang akademik kerana KFLA 2025 diwujudkan bagi melatih peserta supaya menjadi pemimpin yang sensitif, peka terhadap persekitaran dan mempunyai hala tuju yang jelas dalam kehidupan.

"Kita ingin melahirkan pemimpin yang bukan sahaja hebat dalam akademik, tetapi juga mempunyai jiwa agama. Justeru itu, akademi ini memberi fokus melahirkan pemimpin berjiwa agama, yang mempunyai prinsip dan hala tuju hidup yang jelas.

"Tanpa hala tuju yang jelas, seseorang akan mudah tersesat dalam hidup sama ada di awal, pertengahan atau penghujung kehidupan.

Beliau berkata demikian keti-



ka berucap merasmikan akademi tersebut di Dewan Gemilang, Tiara River & Beach, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu pada Rabu.

Menurutnya lagi, program yang disertai 100 peserta dalam kalangan mahasiswa tempatan itu dilihat sebagai langkah awal dalam menyediakan barisan pemimpin negeri bagi tempoh 20 tahun akan datang.

"Di Kelantan ada 14 parlimen dan 10 jajahan. Kalau setiap jajahan melahirkan lima pemimpin berkualiti, itu sudah cukup hebat," ujarnya.

YB Dato' Dr Mohamed Fadzli turut menekankan pentingnya pendidikan dalam membina kepimpinan, namun menegaskan bahawa kecemerlangan akademik sahaja tidak mencukupi tanpa asas agama yang kukuh.

Beliau turut menyeru ibu bapa supaya mula melatih anak-anak menjadi pemimpin sejak usia muda lagi kerana asas kepimpinan perlu dibentuk sejak awal.

"Seseorang pemimpin itu bukan dilahirkan, sebaliknya mempunyai bakat yang perlu diasuh dan dilatih sejak dari awal lagi. Sebagai con-

“

Kita ingin melahirkan pemimpin yang bukan sahaja hebat dalam akademik, tetapi juga mempunyai jiwa agama. Justeru itu, akademi ini memberi fokus melahirkan pemimpin berjiwa agama, yang mempunyai prinsip dan hala tuju hidup yang jelas,”

toh, Sultan Muhammad al-Fateh dilatih menjadi pemimpin oleh ibu bapanya dari usia muda lagi sehingga beliau berjaya menakluk kota Constatinople pada 29 Mei 1453 pada usia 21 tahun,” jelasnya.

Dalam program tersebut juga diadakan sesi Townhall Kelantan Future State 2033 di antara Timbalan Menteri Besar dengan para peserta.

Hadir sama, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad dan Setiausaha Eksekutif KFLA 2025, Che Mohd Riduan Che Musa.



Jeti Tok Bali lonjak sektor pelancongan timur Kelantan

Oleh: Fathi Ariffin

KUALA BESUT, 6 Ogos - Sektor pelancongan timur Kelantan dijangka menerima lonjakan baharu menerusi pembukaan Jeti Tok Bali, yang bakal menjadi hab strategik menghubungkan pelancong dari negeri ini terus ke Pulau Perhentian, Besut dengan lebih mudah dan mesra pengunjung.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata inisiatif tersebut dimeterai melalui memorandum persefahaman di antara Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) yang diwakili Yang Dipertua MDPP Mohd Kamarulzaman Ab Wahab dengan Nasrom Travel & Tours Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Urusan Dato' Mohd Khairey Saudi.

Menteri Besar menyifatkan persefahaman berkenaan mampu memperkukuhkan agenda pelancongan berasaskan komuniti, budaya dan alam semula jadi di negeri itu.



“Jajahan Pasir Puteh memiliki potensi besar dalam sektor pelancongan daripada keindahan pantai, keunikan budaya, produk makanan tradisional hingga kepada keramahan masyarakat setempat. Pembukaan jeti ini bukan sahaja menghubungkan Tok Bali ke Pulau Perhentian, malah menjadikannya sebagai pintu masuk pelancongan utama di pantai timur Kelantan,” katanya dalam majlis tersebut di Perhentian Island Resort, di sini, hari ini.

Tambahnya, Jeti Tok Bali yang dibina di atas tanah seluas 3.58 ekar akan menjadi pusat tumpuan baha-

ru pelancong dan penduduk dengan pelbagai kemudahan seperti ruang riadah, tandas awam, surau, pasar ikan segar serta ruang niaga untuk usahawan tempatan, yang ditawarkan melalui sistem pajakan 10 tahun.

“Projek ini akan melonjakkan lagi peluang pekerjaan dan keusahawanan dalam kalangan rakyat tempatan serta menjadikan Tok Bali sebagai Bandar Pelabuhan Maritim selari dengan dasar Membangun Bersama Islam,” tambahnya.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan



dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah dalam sidang media khas berkata, pembukaan jeti tersebut dapat menjadi pintu masuk utama pelancong antarabangsa, khususnya dari Thailand dan Eropah melalui Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.

Turut hadir, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Ismail, Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak YB Nor Sham Sulaiman, ADN Besut YB Azri Salleh, pegawai-pegawai agensi maritim, serta wakil Majlis Daerah Pasir Puteh dan Majlis Daerah Besut.

Aset Maritim tunjang kedaulatan perairan negara – Menteri Besar Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 Ogos – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan bahawa aset strategik milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) adalah tunjang utama dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan perairan negara.

Beliau berkata, kelengkapan seperti kapal peronda, bot berke-



lajuan tinggi dan peralatan pengawasan moden sangat penting bagi memastikan rondaan, penguatkuasaan undang-undang maritim, serta operasi mencari dan menyelamat dapat dilaksanakan dengan berkesan.

“Tanpa aset yang mencukupi, APMM akan menghadapi kesukaran dalam menjalankan tanggungjawab mereka, lebih-lebih lagi dalam menangani cabaran keselamatan maritim di sempadan perairan negara,” katanya menerusi

satu hantaran media rasmi selepas mengadakan lawatan ke Pangkalan Maritim Negeri Kelantan di Tok Bali, hari ini.

Dalam lawatan tersebut, Menteri Besar turut berpeluang memandu uji Rigid Hull Fender Boat (RHFB) Kelas Perkasa yang dilengkapi dua enjin 350 kuasa kuda, dengan keupayaan mencapai kelajuan sehingga 48 knot. Bot tersebut ialah antara aset terancang dalam operasi maritim negara.

Beliau juga menyatakan keyak-

inan terhadap kecekapan dan tahap kesiapsiagaan anggota APMM dalam mempertahankan perairan Kelantan yang berkeluasan lebih 20,000 kilometer persegi, terdedah kepada pelbagai risiko termasuk pencerobohan, penyeludupan dan jenayah rentas sempadan.

“Saya yakin dan optimis, anggota APMM sentiasa berada dalam keadaan siap siaga untuk memastikan perairan Kelantan selamat dan terkawal,” ujarnya.

Beliau bersama Pengarah Maritim Negeri Kelantan Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi turut meninjau kawasan perairan sempadan negeri dan menekankan keperluan pengawasan yang teliti, berdisiplin dan berterusan.

“Kawasan perairan yang luas ini menuntut komitmen tinggi serta ketegasan dalam operasi agar tidak menjadi laluan mudah kepada pencerobohan asing dan ancaman keselamatan maritim,” tegasnya.

PKPN diseru jadi penggerak, pelaksana agenda negeri



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 6 Ogos – Para Pegawai Kontrak Kerajaan Negeri Kelantan diseru menjadi penggerak dasar dan pelaksana agenda negeri.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud menyeru hal tersebut dengan menegaskan bahawa penubuhan Persatuan Pegawai-pegawai Kontrak Untuk Perkhidmatan Kerajaan Negeri Kelantan (PKPN) amat penting bagi menyelaraskan kemaslahatan, kebajikan dan hak pegawai kontrak secara menyeluruh, khususnya sebagai mekanisme rasmi yang men-

ghubungkan dasar kerajaan dengan realiti pelaksanaan di lapangan.

“PKPN mesti menjadi suara rasmi dan penggerak kepada kerajaan negeri untuk memastikan agenda Futures State 2033 dapat dijayakan dengan sebaik mungkin,” tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika ketika merasmikan Mesyuarat Agung PKPN Kali Keempat yang diadakan di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Beliau juga menegaskan bahawa pegawai lantikan politik tidak boleh dipinggirkan, sebaliknya perlu menerima hak dan kelebihan yang setara dengan penjawat awam tetap, termasuk dari segi

elaun, kemudahan dan struktur perjawatan selaras dengan pekeling semasa.

“Kita tidak mahu pegawai kontrak dianaktirikan. Mereka juga merupakan petugas yang diperintahkan oleh kerajaan negeri dan wajar diperkasakan peranan serta diberi pengiktirafan setimpal,” katanya.

Menurutnya lagi, pegawai lantikan politik wajar diberikan peluang untuk meningkatkan kapasiti diri termasuk menyambung pengajian hingga ke peringkat doktor falsafah (PhD), supaya tahap kompetensi kekal tinggi dan setaraf dengan pegawai tadbir negeri.

YB Mohd Asri turut memetik Surah al-Insyirah ayat 7 sebagai peringatan tentang budaya kerja cemerlang berlandaskan nilai Islam.

“Apabila engkau selesai dari sesuatu urusan, maka bersungguh-sungguhlah mengerjakan urusan yang lain pula,” jelas beliau sambil menekankan bahawa setiap kerja perlu disudahkan dengan tekad dan semangat berterusan.

Beliau menyatakan, kerajaan

negeri kini mempunyai lebih 750 pelan tindakan yang sedang digerakkan hingga 2028, dan setiap satu perlu mencapai kadar pelaksanaan melebihi 90 peratus, selari dengan manifesto yang dijanjikan.

“Kita berjanji, kita tepati. Jika kita gagal merancang, itu bermakna kita sedang merancang untuk gagal. Prinsip ini mesti difahami semua pegawai lantikan politik dan pentadbiran,” ujarnya.

YB Mohd Asri turut menyentuh soal tarbiyah kerja, iaitu kesedaran bahawa tanggungjawab tidak terhad kepada waktu pejabat semata-mata, bahkan perlu dijalankan secara ikhlas kerana Allah SWT.

“Kita berkhidmat sepanjang masa. Di luar waktu pejabat ada lagi program dan tugas. Nilai tarbiyah perlu diterapkan agar kita bekerja dengan penuh integriti dan ikhlas, demi ganjaran yang lebih besar di akhirat kelak,” tambah-

Beliau juga menyeru semua ahli PKPN agar terus bersatu padu, berlapang dada dan berintegriti dalam membantu memperkukuh pentadbiran kerajaan negeri.

Warisan Kulineri Kelantan curi tumpuan di World Expo Osaka 2025

Oleh: Asri Hamat

OSAKA, 6 Ogos - Makanan tradisional Kelantan muncul sebagai antara tarikan utama di Pavilion Malaysia sempena World Expo Osaka 2025, apabila juadah seperti nasi kerabu, kuih tradisional dan pelbagai hidangan warisan tempatan diperkenalkan kepada pengunjung dari seluruh dunia.

Menurut Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan YB Datuk Kamarudin Md Nor, sambutan yang diterima daripada pelawat antarabangsa amat luar biasa, membuktikan potensi besar gastronomi Kelantan dalam memikat pelancong global.

“Kita berbangga apabila makanan tradisional Kelantan menjadi sebahagian daripada persembahan warisan negara di Pavilion Malaysia. Ini bukan sahaja memperkenalkan juadah kita kepada dunia, malah membuka ruang baharu untuk promosi pelancongan berbasis makanan dan bu-



daya,” katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Tambah beliau, penyertaan Malaysia dalam ekspo berskala mega itu memberi peluang strategik kepada negeri-negeri untuk menonjolkan keunikan masing-masing dalam bidang pelancongan, inovasi dan budaya.

“Kelantan menggunakan pentas ini untuk menampilkan kekayaan khazanah kulinerinya sebagai identiti pelancongan yang kuat dan berdaya saing,” jelasnya.

World Expo Osaka 2025 menghimpunkan wakil lebih 150 negara

yang mempamerkan keunikan budaya, kemajuan teknologi dan potensi ekonomi.

Pavilion Malaysia menjadi antara tarikan utama pengunjung dengan konsep integrasi antara warisan budaya, teknologi hijau dan promosi destinasi pelancongan.

Pengenalan warisan makanan Kelantan turut dilihat seiring dengan pendekatan pelancongan “Indahnya Kelantan 2025” yang memberi penekanan kepada pelancongan berasaskan budaya, sejarah dan gaya hidup tradisional.



“Melalui platform berprestij ini, kita yakin warisan makanan Kelantan mampu menjadi ikon baharu pelancongan negeri yang bukan hanya dikenali di dalam negara, tetapi juga dirindui pelancong dari luar negara,” tambahnya.

Expo yang berlangsung di Osaka sehingga akhir 2025 itu dijangka menarik puluhan juta pengunjung dari seluruh dunia, menjadikan penyertaan Kelantan sebagai antara usaha berimpak tinggi memperkukuh jenama pelancongan negeri di pasaran antarabangsa.

Penjawat awam digesa jadi pemaklum dasar kebajikan negeri

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 3 Ogos – “Skim Kifaalah sudah 18 tahun dan Az-Ziwayj pula sudah 15 tahun dilaksanakan kerajaan negeri, maka penjawat awam perlu menjadi pemaklum setia dasar ini agar rakyat tidak terlepas manfaatnya,” tegas Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zin semasa menyampaikan tausiah dalam Program Kuliah Duha di Dewan Seminar Mabna, hari ini.

Menurutnya, tanggungjawab penjawat awam bukan sahaja terhad kepada pelaksanaan dasar bahkan mereka turut memainkan peranan penting sebagai penyampai maklumat dasar kepada masyarakat di peringkat akar umbi.

“Kita tidak mahu rakyat tidak tahu tentang apa yang kerajaan negeri sudah usahakan untuk kebajikan mereka. Bila rakyat tanya, penjawat awam mesti mampu menjawab dengan yakin dan jelas,” katanya merujuk kepada dua skim kebajikan utama kerajaan negeri iaitu Skim Kifaalah yang diperkenalkan sejak tahun 2007 dan Skim Az-Ziwayj bermula tahun 2009.



Beliau menegaskan bahawa usaha kerajaan negeri menjaga kebajikan rakyat selama ini perlu disebarkan melalui saluran yang paling dekat dengan rakyat iaitu penjawat awam.

“18 tahun kerajaan negeri jaga kebajikan warga emas Kelantan yang meninggal dunia melalui Kifaalah. Skim Az-Ziwayj pula bantu meringankan beban pasangan muda yang mahu mendirikan rumah tangga. Penjawat awam ialah tulang belakang yang mesti bantu sebarkan perkara ini. Jangan sampai rakyat tak tahu hak mereka,” katanya lagi.

Dalam perkongsian tersebut, YB Nor Asilah turut menekankan kepentingan penghayatan sistem hidup berlandaskan syariat Islam,

yang menurutnya telah ditetapkan oleh Allah SWT sebagai sistem terbaik untuk manusia menjalani kehidupan dengan tenang, bahagia dan bermakna.

“Syariat bukan semata-mata hukum-hakam, tetapi sistem kehidupan yang lengkap daripada ibadah, harta, pusaka, hinggalah ke tempat kerja yang menekankan disiplin dan pematuhan. Sistem itu tidak gagal, yang gagal ialah kita apabila kita memesongkan peraturannya,” ujarnya.

Beliau juga berterima kasih kepada seluruh penjawat awam negeri yang terus berkhidmat dengan komitmen tinggi, serta menyeru agar semua pihak menjaga integriti pentadbiran agar seiring dengan roh syariah yang menekankan

keadilan dan amanah.

“Apabila hati bersih, kita akan memimpin kehidupan dengan sejahtera. Bila jiwa kita kotor, kita terdorong kepada penyelewengan. Ibadat itu termasuk bekerja jadi kita mesti tunaikan tanggungjawab dengan penuh rasa kehambaan,” katanya.

Beliau turut memetik pandangan ulama tersohor Dr. Yusuf al-Qaradawi bahawa jiwa manusia sentiasa memerlukan pertolongan Allah SWT untuk bebas daripada kepalsuan hidup.

“Tengok pada hati, adakah kita ikhlas atau hanya pura-pura? Jadilah mukmin sebenar yang harapkan reda Allah SWT. Bukan manusia yang palsu yang harapkan dunia,” pesannya.



Kelantan tawar tarikan pelaburan baharu di World Expo 2025 Osaka



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 4 Ogos 2025 – Penyertaan Kelantan dalam World Expo 2025 di Osaka, Jepun menjadi medan utama mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pelaburan baharu yang stabil dan berdaya saing kepada pelabur antarabangsa,

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato’ Md Anizam Ab Rahman berkata sepanjang lima hari ekspo berlangsung dari 28 Julai hingga 3

Ogos, delegasi negeri telah mengadakan pelbagai sesi strategik bersama syarikat dan agensi kerajaan Jepun di Pavilion Malaysia sekali gus membuka ruang kepada pertukaran maklumat, penerangan pelaburan dan perkongsian pengalaman.

“Ini adalah platform penting bagi mengetengahkan kekuatan Kelantan dalam sektor perindustrian, logistik dan sumber tenaga kerja.

“Kita mahu Jepun melihat bahawa Kelantan adalah lokasi pelabu-

ran yang mampu memberi pulangan jangka panjang,” katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Beliau turut menekankan bahawa kejayaan syarikat Rohm Co. Ltd yang telah bertapak di Kelantan lebih 30 tahun menjadi bukti kukuh keupayaan negeri itu menyediakan persekitaran pelaburan yang stabil dan menyokong pertumbuhan jangka panjang.

“Pengalaman dan komitmen Rohm Co. Ltd menjadi rujukan dan penanda aras kepada syarikat Jepun lain untuk menilai peluang pelaburan di Kelantan,” tambahnya.

Hasil penyertaan dalam ekspo antarabangsa itu, katanya, beberapa potensi baharu telah dikenal pasti, termasuk dalam sektor teknologi bersih, pemprosesan makanan halal, tenaga boleh diperbaharui dan pembangunan sumber manusia.

“Inilah antara hasil yang kita

harapkan dengan menjalin jaringan strategik dan membuka pintu baharu untuk masa depan ekonomi Kelantan.

“Dengan doa dan usaha semua pihak, insya-Allah, kita akan terus melangkah ke hadapan,” ujarnya.

Beliau yang diiringi timbalannya, YB Mohamad Nasriff Daud menegaskan bahawa penyertaan Kerajaan Negeri Kelantan di ekspo tersebut turut menggambarkan komitmen serius membawa negeri itu ke peringkat global, sejajar dengan aspirasi Kelantan Maju Rakyat Sejahtera.

Turut serta menyertai delegasi, Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal dan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTG) Nik Raisnan Daud.

68 Pembantu Pegawai Halaqat terima Sijil Tafaqquh Fiddin Siri Ketiga

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 5 Ogos – Sera-
mai 68 Pembantu Pegawai Halaqat
menerima Sijil Pengajian Tafaqquh
Fiddin Siri Ketiga dalam satu maj-
lis yang berlangsung di sebuah ho-
tel di sini, pada Isnin.

Majlis penyampaian sijil terse-
but telah disempurnakan oleh
Menteri Besar YAB Dato' Pangli-
ma Perang Ustaz Dato' Mohd Nas-
suruddin Daud.

Dalam ucapannya, beliau mer-
akamkan setinggi-tinggi tahniah
kepada para graduan yang telah
menunjukkan komitmen tinggi da-
lam mengikuti pengajian yang ber-
mula sejak Julai 2024 hingga Mac
2025.

"Syabas dan tahniah saya ucap-
kan kepada semua graduan yang
memberi komitmen dan iltizam
yang luar biasa untuk menambah
ilmu pengetahuan serta kemahiran
mengajar," katanya.

Menurut beliau, kejayaan terse-
but akan menjadi pendorong ke-
pada warga Halaqat lain untuk
turut serta dalam program seump-
ama ini demi mempertingkatkan
kualiti penyampaian ilmu kepada
masyarakat, terutamanya di kam-



pung-kampung.

"Ia sekali gus dapat memas-
takan masyarakat yang menjadi
pendengar setia kepada kelas-kelas
pengajian terus menerima manfaat
daripada peningkatan kualiti pen-
gajaran yang berlaku dari semasa
ke semasa," tambahnya.

Menteri Besar turut menjelas-
kan bahawa sukatan pelajaran da-
lam program Tafaqquh Fiddin dis-
usun rapi bagi memenuhi keperluan
semasa masyarakat, merangkumi
ilmu asas seperti ilmu al-Quran, ha-
dith, akidah, fiqh dan akhlak, selain
turut memberi penekanan terhadap
ilmu semasa dan teknik pengajaran
berkesan.

"Sukatan ini merupakan thaqa-
fah addaiyyah yang amat diperlu-
kan. Para asatizah hendaklah me-

lengkapkan diri dengan ilmu yang
menyeluruh bagi memastikan pen-
yampaian dakwah lebih berkesan,"
katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau turut
mengingatkan bahawa tugas men-
yampaikan kebenaran dan mem-
beri peringatan tidak boleh dipisah-
kan dalam usaha dakwah.

"Kedua-duanya adalah amanah
besar yang telah dipikul oleh para
Rasul dan kini disambung oleh
para ulamak sebagai pewaris mere-
ka sehingga hari kiamat," tegas be-
liau.

Tambahnya, dalam era teknolo-
gi dan maklumat yang pantas
ini, para pendakwah perlu segera
memahami realiti ummah dan
cabaran semasa agar dapat menan-
gani pelbagai isu serta menangkis

unsur-unsur negatif yang boleh
merosakkan masyarakat. Dalam
majlis penyampaian sijil tersebut,
Pembantu Pegawai Halaqat Dewan
Negeri (DUN) Pasir Tumboh, Ru-
hamaa Salleh dianugerahkan grad-
uan terbaik yang menerima Sijil
Anugerah Murabbi.

Untuk rekod, program Penga-
jian Tafaqquh Fiddin dijalankan
secara kerjasama antara Kolej Uni-
versiti Islam Antarabangsa Sultan
Ismail Petra (KIAS), Jabatan Hal
Ehwal Agama Islam Kelantan (JA-
HEAIK), Intitut Pemikiran Tok
Guru Bentara Setia (IPTG), Yayas-
an Amanah Tok Kenali (YTK)
dan diselaraskan oleh KIAS Insani
Sdn Bhd (KISB) iaitu anak syarikat
KIAS Darulnaim Sdn Bhd.
(KDSB).



Kelantan tegas perangi dadah, fokus tangani punca dan bentuk sahsiah masyarakat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 Ogos
– Kerajaan Negeri Kelantan men-
egaskan komitmen berterusan da-
lam usaha membanteras penyalah-
gunaan dadah, dengan menegaskan
bahawa tiada kompromi akan
diberikan terhadap gejala yang
merosakkan masyarakat itu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan
Perpaduan Masyarakat YB Zam-
akhshari Muhammad berkata,
statistik semasa menunjukkan
keperluan mendesak untuk semua
pihak bertindak secara lebih tersu-

sun dan kolektif, memandangkan
trend penyalahgunaan dadah yang
semakin kompleks.

"Kajian pihak hospital menun-
jukkan peningkatan penggunaan
dadah sintetik dalam kalangan
belia, manakala pihak polis pula
melaporkan pola pengedaran da-
dah yang semakin sukar dikesan
melalui kaedah konvensional,"
katanya menerusi catatan di media
sosial, pada Isnin.

Terdahulu, beliau menghadiri
Mesyuarat Majlis Tindakan Mem-
banteras Dadah Negeri Kelantan

Bil. 1/2025 yang dipengerusikan
oleh Menteri Besar, YAB Dato'
Panglima Perang, Ustaz Dato'
Mohd Nassuruddin Daud, di Bilik
Gerakan Mabna.

Mesyuarat turut disertai oleh
wakil agensi penguat kuasa, insti-
tusi kesihatan dan jabatan-jabat-
an berkaitan yang berkongsi
data, laporan dan pelan tindakan
menyeluruh bagi memerangi najis
dadah di peringkat negeri.

Dalam mesyuarat tersebut,
Agensi Antidadah Kebangsaan
(AADK) membentangkan taklimat
mengenai pindaan terkini terhadap
Akta Penagih Dadah 1983, yang
dijangka memberi ruang tinda-
kan lebih berkesan kepada agen-
si-agensi berkaitan.

YB Zamakhshari yang juga
Pengerusi Persatuan Mencegah
Dadah Malaysia (PEMADAM)
Negeri Kelantan turut menegaskan

bahawa memerangi dadah bukan
sekadar tanggungjawab penguat
kuasa, sebaliknya memerlukan
sokongan keseluruhan lapisan ma-
syarakat termasuk ibu bapa, guru,
pemimpin komuniti serta anak-
anak muda sebagai barisan hada-
pan pencegahan awal.

Beliau juga melahirkan keyak-
inan bahawa pendekatan Peng-
hayatan Membangun Bersama
Islam (PMBI) yang menjadi dasar
pembangunan negeri akan terus
memperkuh nilai rohani dan
sahsiah masyarakat dalam menjau-
hi larangan Allah serta membentuk
kehidupan beragama yang lebih se-
jahtera.

"Kita tidak mahu hanya menga-
wal gejala. Kita mahu menyentuh
punca. Dan kita mahu membi-
na negeri yang lebih selamat dan
bermaruah untuk generasi menda-
tang," tegasnya.

Ahli Parlimen Tumpat desak Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 pimpin solidariti antarabangsa bela Palestin

Oleh: Norzana Razaly

KUALA LUMPUR, 4 Ogos – “Kalau bukan sekarang, bila lagi?” Itulah seruan tegas Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawi yang menggesa Malaysia memimpin gelombang solidariti dunia Islam dan negara Global South dalam memperjuangkan nasib Palestin, terutama menjelang kepengerusan Malaysia dalam ASEAN 2025.

Beliau yang juga Delegasi Rasmi Parlimen Malaysia ke Forum Serantau Senjata Kecil (PFSALW) anjuran Persidangan Antara Parlimen ASEAN (AIPA), menyatakan bahawa dunia kini sedang menyaksikan tragedi kemanusiaan terbesar abad ini. Lebih 60,000 rakyat Palestin gugur syahid, ribuan daripadanya wanita dan kanak-kanak, sementara Gaza dilumpuhkan sepenuhnya.

“Air mata, darah dan maruah Palestin kini berada di tahap paling genting. Jika Malaysia tidak bangkit hari ini, siapa lagi? Dan jika bukan sekarang, bila lagi?” tegasnya dalam satu kenyataan kepada media, pada Ahad.

Menurutnya, Malaysia yang selama ini dikenali sebagai pendamai serantau dan pendukung prinsip kemanusiaan mesti melangkah lebih berani dalam usaha diplomatik dengan mendesak gencatan senjata segera, membawa isu Palestin ke Mahkamah Keadilan An-



tarabangsa (ICJ) dan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), serta menggalas peranan sebagai suara utama dunia Islam.

Mengulas isu semasa berkaitan Hamas, Dato’ Mumtaz mengemukakan usaha melabel gerakan itu sebagai pengganas, dengan menyifatkan tindakan sedemikian sebagai pengkhianatan kepada realiti sejarah dan demokrasi rakyat Palestin.

“Hamas ialah kerajaan yang sah dan dipilih secara demokratik sejak 2006, dan menjadi pemerintah de facto Gaza. Malaysia tidak wajar berganjak daripada pengiktirafan rasmi ini,” katanya.

Beliau menegaskan, tekanan kuasa besar dan lobi Zionis tidak harus menundukkan pendirian Malaysia, dan sebarang ‘normalisasi’ hubungan dengan rejim Israel melalui naratif damai palsu wajib ditolak sepenuhnya.

Dato’ Mumtaz turut menyaran Perdana Menteri Malaysia (PMX)

membawa usul tergempar mengenai Palestin dalam sidang ASEAN 2025, melibatkan penyertaan aktif negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

“PMX mempunyai autoriti dan mandat moral serta politik untuk memimpin gerakan ini. Malaysia mesti tampil sebagai pendesak utama ke arah penyelesaian adil untuk Palestin,” ujarinya.

Dalam masa sama, beliau mencadag agar Malaysia menghantar utusan khas ke ibu negara kuasa besar dunia termasuk bertemu Presiden Amerika Syarikat bagi menyerahkan tuntutan rasmi menghentikan kekejaman Israel.

Mengimbau penglibatan Malaysia terdahulu dalam isu antarabangsa seperti Bosnia, Rohingya, Afghanistan dan Mindanao, Dato’ Mumtaz berkata sudah tiba masanya Malaysia kembali memainkan

“

Air mata, darah dan maruah Palestin kini berada di tahap paling genting. Jika Malaysia tidak bangkit hari ini, siapa lagi? Dan jika bukan sekarang, bila lagi?”

peranan strategik yang lebih lanjut dan konsisten.

“Israel bukan sebuah negara sah, tetapi entiti penjajah yang terus melanggar undang-undang antarabangsa. Malaysia tidak boleh berkompromi dalam hal ini. Ia soal maruah umat dan amanah kemanusiaan sejagat,” katanya.

Mengakhiri kenyataan, beliau memetik sabda Nabi SAW dan ayat al-Quran sebagai landasan perjuangan, mengingatkan bahawa cinta kepada saudara seagama dan penolakan terhadap kezaliman adalah sebahagian daripada keimanan.

“Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri” – (Riwayat Bukhari dan Muslim).

“Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, nanti kamu disentuh api neraka” – (Surah Hud: 113).



‘Kacau Sugho’ di Wat Salawanothayan bukti keunikan perpaduan di Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KUALA KRAI, 3 Ogos – Wat Salawanothayan, Batu Jong menjadi saksi keindahan semangat perpaduan apabila masyarakat pelbagai kaum dari pelbagai latar budaya dan agama berganding bahu memasak bubur asyura sempena sambutan Maal Hijrah 1447H dalam program ‘Kacau Sugho Perpaduan’ anjuran Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan, di sini, pada Jumaat.

Program kemasyarakatan itu dirasmikan oleh Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad yang menyifatkan suasana harmoni di Kelantan sebagai model perpaduan yang wajar dicontohi seluruh negara.

“Di Kelantan, tradisi ‘kacau sugho’ bukan sekadar masakan warisan, tetapi medan penyatuan. Di sini, masyarakat Melayu, Cina, India, Siam semuanya datang bersama. Bukan sahaja di masjid atau balai raya, tetapi juga di wat seperti hari ini. Inilah bukti perpaduan bukan slogan, tetapi amalan hidup,” ujar beliau.

YB Zamakhshari turut menekankan bahawa semangat saling menghormati dan tolong-menolong dalam kalangan rakyat pelbagai kaum perlu diteruskan di luar batas



program tahunan dan disuburkan dalam kehidupan harian.

“Perpaduan ini bukan untuk dipertontonkan sekali-sekala, ia perlu dibudayakan dalam keluarga, tempat kerja dan komuniti. Bila kita hidup dalam suasana aman, tak kiralah Melayu, Cina, India atau siapa pun, kita semua akan rasa damai dan sejahtera,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latif turut menzahirkan penghargaan kepada PEKA atas penganjuran yang disifatkan sebagai manifestasi perpaduan tulen.

“Perpaduan di Kelantan ini bukan benda baharu. Kita sudah lama hidup bersama dalam suasana harmoni. Kadang-kadang kita tak perlu pun slogan kerana rakyat

Kelantan sendiri sudah mengamalkan nilai itu dalam kehidupan seharian,” jelasnya.

Pengerusi PEKA Lim Guang Seng pula berkata, program ‘kacau sugho’ berkenaan bukan sahaja memperkenalkan makanan tradisi kepada pelbagai kaum, malah menjadi jambatan menghubungkan hati antara komuniti.

“Apabila masuk bulan Muharam, semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum akan turun padang untuk bersama menyediakan bubur asyura. Inilah kekuatan Kelantan yang tidak dimiliki oleh semua negeri,” katanya.

Beliau juga memaklumkan bahawa program tersebut telah menjadi acara tahunan PEKA sejak beberapa tahun lalu.

“

Perpaduan di Kelantan ini bukan benda baharu. Kita sudah lama hidup bersama dalam suasana harmoni. Kadang-kadang kita tak perlu pun slogan kerana rakyat Kelantan sendiri sudah mengamalkan nilai itu dalam kehidupan seharian,”

“Sebanyak tiga kawah bubur asyura dimasak dalam program tersebut yang dihadiri oleh lebih 300 penduduk pelbagai kaum dan agama,” ujarnya.

Sebagai simbolik penghargaan dan sokongan kepada usaha perpaduan, YB Zamakhshari turut menyampaikan sumbangan kepada beberapa NGO masyarakat Cina dan India di Parlimen Kuala Krai.

Turut hadir menyerikan majlis, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah, Ahli Dewan Negeri (ADN) Manek Urai YB Mohd Fauzi Abdullah, ADN Mengkebang YB Zubir Abu Bakar serta pimpinan masyarakat setempat termasuk wakil komuniti Cina dan India dari seluruh Kelantan.





Festival Kayuhan Basikal Tua, perkhemahan Gunung Reng tarik peminat vintaj antarabangsa

Oleh Norzana Razaly

JELI, 5 Ogos - Gabungan aktiviti berbasikal klasik dan perkhemahan dalam suasana alam semula jadi Gunung Reng berjaya mencipta kelainan tersendiri menerusi Festival Kayuhan & Khemah Basikal Tua 2025, yang menghimpunkan ratusan peminat basikal vintaj dari seluruh Malaysia dan luar negara.

Program berkonsepkan pelancongan warisan berasaskan komuniti dan minat (niche tourism) tersebut merupakan inisiatif Kelab Pemilik Basikal Tua Kelantan dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) Kelantan dan Majlis Daerah Jeli (MDJ).

Menurut Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri YB Datuk Kamarudin Md Nor, festival berkenaan merupakan aktiviti santai yang berpotensi tinggi sebagai produk pelancongan alternatif yang mengangkat identiti tempatan.



“Gabungan elemen kayuhan, perkhemahan serta keindahan semula jadi Gunung Reng memberi pengalaman unik kepada pengunjung. Ia bukan sahaja meraikan warisan pengangkutan tradisi, tetapi juga memupuk hubungan komuniti dan gaya hidup sihat,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Majlis perasmian disempurnakan sendiri oleh Datuk Kamarudin yang turut menyatakan penghar-

gaan kepada pihak penganjur atas inisiatif memperkenalkan Jeli sebagai destinasi pelancongan berasaskan warisan dan alam.

Festival tersebut menjadi medan setiakawan di antara penggiat basikal tua dari pelbagai negeri yang hadir lengkap dengan basikal vintaj yang dijaga rapi, menampilkan elemen nostalgia dan kecintaan terhadap seni rekaan klasik era silam.

“Ini bukti bahawa warisan bukan sekadar untuk dikenang, tetapi boleh diangkat sebagai gaya hidup dan tarikan pelancong jika digarap secara kreatif,” tambahnya lagi.

Program tersebut turut disisip aktiviti santai, persembahan budaya, pertukaran cenderamata sesama kelab, dan lawatan sekitar Gunung Reng yang terkenal dengan keindahan gua batu kapur serta ekosistem semula jadi yang masih terpelihara.

Tambahnya, festival itu selari dengan usaha kerajaan negeri mempromosi agenda pelancongan berimpak tinggi menerusi kempen “Indahnya Kelantan 2025” yang menekankan pelancongan lestari, unik dan berteraskan nilai tempatan.

Datuk Kamarudin berharap agar program seumpama itu terus diberi sokongan dan diperluaskan ke seluruh negeri, khususnya di lokasi berpotensi tinggi seperti kawasan luar bandar dan tapak warisan semula jadi Kelantan.

